

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

| | | |
|----|-----------------------|---|
| 1. | TAJUK | WUJUDKAN DASAR KHAS GUNA EV DALAM USAHA TINGKAT KUALITI UDARA |
| | SUMBER | BH (20 NOVEMBER 2024) |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 13 (MINDA PEMBACA) |

BH Rabu, 20 November 2024

MindaPembaca

13

Wujudkan dasar khas guna EV dalam usaha tingkat kualiti udara

Nurul Nadiah Ahmad,
Universiti Tenaga Nasional, Kampus Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang

Pertambahan populasi dunia dan perkembangan ekonomi pesat meningkatkan permintaan tenaga secara mendadak, terutama dalam sektor pengangkutan.

Sektor ini kini menyumbang sekitar 16.2 peratus daripada jumlah pelepasan karbon dioksida pada peringkat global, menjadikannya antara penyumbang utama kepada pencemaran udara dan perubahan iklim.

Pada 2020 dan 2021, pelepasan karbon dioksida global melonjak sebanyak 7.0 peratus, mencapai 7.64 bilion tan akibat penggunaan tenaga dalam sektor ini.

Sejak 2016, perhatian utama beralih kepada teknologi kenderaan elektrik (EV) sebagai langkah penting untuk mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kualiti udara.

Penggunaan EV dijangka meningkat dengan ketara antara 2030 hingga 2045, seterusnya mempercepatkan usaha dekarbonisasi dalam sektor pengangkutan dan menyokong matlamat kelestarian global.

Di Malaysia, penggunaan kenderaan EV semakin mendapat perhatian dengan pelbagai strategi dan sokongan kerajaan. Antara inisiatif utama ialah Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 merangkumi pelbagai langkah seperti insentif cukai, pelepasan duti import untuk kenderaan EV dan pembangunan infrastruktur pengecasan.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) turut menyasarkan pengurangan intensiti karbon negara sebanyak 45 peratus menjelang 2030, menunjukkan komitmen jelas terhadap pengangkutan lestari.

Langkah ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampian (SDG) ditetapkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), khususnya SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampian) dan SDG 13 (Tindakan Iklim).

Pengangkutan bebas karbon menyumbang kepada pencapaian bandar lebih bersih dan kurang

pencemaran, serta penggunaan tenaga lebih cekap dan lestari, seterusnya membantu mengurangkan kesan perubahan iklim.

Bagaimanapun, usaha ke arah pengangkutan mampian masih berdepan cabaran. Kekurangan infrastruktur pengecasan, tempoh pengecasan panjang dan kebimbangan jarak perjalanan, kekal menjadi isu utama perlu diatasi.

Capaian meluas stesen pengecasan

Di Malaysia, pelaburan dalam stesen pengecasan pantas perlu ditingkatkan untuk memastikan capaian lebih meluas, termasuk di luar bandar.

Di samping itu, tingkah laku pengguna memainkan peranan penting dalam pemilihan mod pengangkutan. Pandangan pengguna terhadap EV dipengaruhi faktor sosial, ekonomi dan kesedaran alam sekitar.

Dasar seperti caj kesesakan dan subsidi untuk pengangkutan awam terbukti berkesan dalam mengubah pilihan perjalanan ke arah lebih mesra alam dan mampian.

Menerusi dasar kukuh dan sokongan berterusan, sektor pengangkutan akan menjadi komponen penting dalam mencapai pembangunan lestari dan melindungi bumi untuk generasi masa hadapan.



Infrastruktur pengecasan perlu ditambah menyokong usaha pengangkutan lestari. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**